# Utusan Malaysia - Permintaan Guan Eng Masih Dikaji

Khamis, Okt 25 2018

# Permintaan Guan Eng masih dikaji

Utusan Malaysia 25/10/18

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 24 OKT.**

PERMINTAAN Menteri Kewangan, Lim Guan Eng supaya pemaju hartanah menurunkan harga rumah sebelum pembentangan Bajet 2019, 2 November ini dilihat sukar untuk direalisasikan.

Bagaimanapun, buat masa ini, semua pemaju masih menunggu hasil kajian Persatuan Pemaju Hartanah dan Peruma-

tentang margin keuntungan tetapi lebih memberi tumpuan kepada pengurusan aliran tunai bagi memastikan syarikat mampu bertahan selepas berdepan situasi mencabar sejak tiga tahun lalu.

"Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana memberi pengecualian dalam hal ini tetapi dalam masa sama, kita tidak mahu hanya kos ini



FATEH ISKANDAR

cualikan daripada cukai.

Fateh Iskandar memberitahu, Glomac memperuntukkan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM780 juta bagi projek kediaman atas tanah dalam segmen pasaran pertengahan dan mampu milik di bandar-bandar berpotensi termasuk Selangor dan Johor dengan 65 peratus daripadanya

nan Malaysia (REHDA) yang dijangka dibentangkan pada kerajaan sebelum tarikh berkenaan.

Ini susulan daripada pengecualian cukai jualan dan perkhidmatan (SST) ke atas bahan binaan dan perkhidmatan pembinaan apabila cukai itu dilaksanakan 1 September lalu dan kerajaan mengharapkan harga rumah dapat diturunkan.

Beberapa penganalisis sebelum ini berpendapat, SST bukan faktor utama yang boleh menurunkan harga rumah sebaliknya bergantung kepada faktor-faktor lain.

Menurut Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Glomac Berhad, Datuk Seri Fateh Iskandar FD Mansor, terdapat banyak kos yang semakin meningkat antaranya caj premium dan kos pembangunan.

Katanya, kebanyakan pemaju kini bukan lagi memikirkan turun, kos lain pula yang naik. Perkara ini masih dalam kajian dan kita akan bersama-sama REHDA membuat keputusan berhubung perkara ini.

"Dalam masa sama, kita berharap kerajaan negeri juga mengikut jejak langkah ini kerana ia memerlukan satu langkah yang komprehensif dan holistik, dan bukannya SST sematamata," katanya selepas Mesyuarat Agung Tahunan Glomac ke-34 di sini hari ini.

Kerajaan akan menimbang semula untuk menarik balik pengecualian tersebut sekiranya pemaju hartanah ingkar untuk menurunkan harga rumah. Ini kerana sewaktu cukai barang dan perkhidmatan (GST) dilaksanakan, sektor pembinaan dikenakan cukai enam peratus termasuk sewa, bil utiliti dalam sektor komersial dan industri, namun kini semua sudah dike- berharga di bawah RM500,000.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM347 juta atau 44 peratus adalah kediaman bertanah manakala RM302 juta (39 peratus) kediaman bertingkat dan RM131 juta (17 peratus) merupakan pembangunan komersial.

"Sektor hartanah diramal mencabar kerana pertumbuhan gaji perlahan dan dasar pinjaman yang ketat terus menjejaskan jualan. Kita berharap rangkaian produk pasaran pertengahan dan mampu milik yang ditawarkan akan menarik perhatian pembeli milenial meliputi demografik pembeli rumah pertama terbesar," katanya.

Dalam pada itu, beliau berharap kerajaan akan memperkenalkan semula kempen pemilikan rumah yang pernah dilaksanakan pada 1998 dan 1999 dalam usaha mendepani isu hartanah negara ketika ini.




Undian

BISNES | AGENSI | WARGA

## Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

03-8000 8000
03-88823893 / 03-88823894
pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



**© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**
Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.
Kemaskini terakhir: 14 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216